

CBP MELANCARKAN KEMPEN PERTAMA BAGI PERKHIDMATAN DUITNOW **– PULANGAN TUNAI DAN HADIAH MENANTI ANDA**

1. Co-opbank Pertama (CBP) telah melancarkan kempen pertamanya untuk para pelanggan CBP melalui aplikasi mudah alih HELOCBP yang menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah melebihi RM 600,000 bermula Oktober 2025 sehingga Mac 2026.
2. Kempen ini diadakan dengan kerjasama Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) sebagai penghargaan kepada pengguna baharu dan sedia ada dalam segmen runcit dan korporat menerusi aplikasi HELOCBP dan HELOBiz.
3. Antara kempen yang sedang berlangsung bermula 01 Oktober 2025 adalah Daftar DuitNow ID yang menawarkan pulangan tunai (cashback) RM5 kepada 20,000 pengguna terawal aplikasi HELOCBP dan RM100 bagi 500 pengguna yang mendaftar melalui perkhidmatan perbankan korporat di aplikasi HELOBiz.
4. Selain itu, CBP turut memperkenalkan kempen Bayar dan Menang, di mana pelanggan yang membuat pembayaran semula pembiayaan melalui DuitNow berpeluang memenangi cashback sebanyak RM100 yang juga telah berlangsung pada 01 Oktober 2025.
5. Kempen terbesar di bawah aplikasi HELOCBP ialah QR-azy Deals (Crazy Deals) yang akan bermula pada 01 November 2025 sehingga 22 Mac 2026 dimana pelanggan berpeluang memenangi hadiah sehingga RM400,000.
6. Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Khairil Anuar Mohammad Anuar berkata, "Kempen ini merupakan inisiatif utama CBP dalam memperkasakan digitalisasi perkhidmatan kewangan untuk manfaat pelanggan kami".
7. "Bukan sahaja memudahkan urusan harian, pelanggan juga berpeluang memenangi hadiah menarik seperti motorsikal Yamaha, Pakej Percutian, Barangan Elektrik dan Elektronik serta cashback dengan menyertai mana-mana kempen HELOCBP", tambahnya dalam kenyataan hari ini.

8. Untuk makluman, CBP telah melancarkan aplikasi HELOCBP pada 01 Mac 2024 dan HELOBiz pada 01 April 2024 yang boleh dimuat turun secara percuma di Google Play atau App Store dan membolehkan pelanggan menikmati kemudahan transaksi di hujung jari.
9. Untuk maklumat lanjut mengenai kempen HELOCBP, para pelanggan boleh layari www.cbp.com.my.

-TERIMA KASIH

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai sebuah co-opbank. CBP terus berkembang dengan kini mempunyai sebanyak 35 cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Jabatan Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama
ukk@cbp.com.my